



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 MAC 2018 (RABU)

AKHBAR	MUKA SURAT
The Star	
- Uneasy over Ampang hillslope project	04
Utusan Malaysia	
- Laluan daif di Bukit Antarabangsa	27
Sinar Harian	
- MPAJ siap sedia hadapi PRU14	35
Berita Harian	
- Pemandu kereta nyaris maut dihempap lori	19
Harian Metro	
- Warga asing semakin kuasai perniagaan	22
- Dentuman seret kereta	72



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 MAC 2018 (RABU)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Uneasy over Ampang hillslope project
Muka Surat	04

4 News STARMETRO, WEDNESDAY 21 MARCH 2018

Uneasy over Ampang hillslope project

Approved development on high-risk gradient only 50m away from existing houses, says RA

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

AN UPCOMING housing project on a steep hillslope at De Puncak Ukay, Taman Ukay Perdana in Ampang has residents concerned about their safety.

It is learned that Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has approved the housing project, which consists of 100 superlink houses, on a Class IV slope.

Class 1 is the least severe in terms of terrain grading where slope angles are less than 15 degrees.

Slopes with angles greater than 35 degrees are classified as Class IV as they pose the highest risk.

De Puncak Ukay Residents Association (DePURA) chairman Zaini Ramlee said the project was only 50m away from the existing homes.

"The developers were given approval in 2008, but works have not started.

"Now, we have found out that the approval for the project was based on the 2008 application.

"How can this be when any development order issued only has a two-year time limit," he asked, adding that residents were concerned with such a large-scale project on a steep hillslope.

"Considering the track record of landslides in the area, projects such as these should have been discussed with the residents.

"It was only when residents

received letters that a dilapidation survey was being carried out that we found out about the project," he said.

He added that letters of protests had been sent to MPAJ and Menteri Besar Datuk Seri Azmin Ali's office.

Resident Datuk Nik Haidi Nik Mohamad said safety and maintenance were their primary concerns, should the project continue.

"With this kind of topography, building the houses is going to be challenging.

"How can the developers guarantee that there will not be any landslide or soil erosion that could affect us.

"There is only one access road, and heavy machinery coming in and out of the area will surely add to the congestion," he said, adding that residents were already dealing with the building of the East Klang Valley Expressway (EKVE) along Jalan Ukay Perdana.

When met at a DePURA event,

Zaini says residents found out about the project upon receiving letters informing them of a dilapidation survey.

Azmin said engagements between residents and MPAJ would continue over the matter.

"We may not be able to address all the issues, but certainly there are legitimate concerns that need to be tackled by the local authority.

"We want both the residents and developers to benefit from any project in the area.

"I also want to remind developers who tend to focus on profitability that in our policy, profitability must come with social responsibility," he said.

TS 21/3/18 NS 04.

Residents of De Puncak Ukay fear that the proposed hillslope project could lead to landslides.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 MAC 2018 (RABU)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Laluan daif di Bukit Antarabangsa
Muka Surat	27

UTUSAN MALAYSIA • RABU 21 MAC 2018

UTUSAN KOTA 27

4m 21/3/18 N/27.

info **JALAN ROSAK**

- > **Lokasi:** Jalan Mulia, Bukit Antarabangsa
- > **Punca kerosakan:** Permukaan jalan tidak rata, berlubang, rekahan, berpasir
- > **Selaian:** Majlis Perbandaran Ampang Jaya

SEPERTI TIDAK PERNAH DISELENGGARA PBT

KESAN turapan tidak rata menyebabkan kerosakan lebih teruk di jalan mulia, Bukit Antarabangsa, Selangor.

MENGGANGGU KELANCARAN ALIRAN TRAFIK

KEADAAN jalan yang rosak menjadi bertambah rumit apabila laluan berkemajuan juga tidak dilengkapi lampu jalan.

REAKSI

UNDANG BAHAYA

MOHD. AMIR YAHYA, 23
Penduduk

"Sebagai penunggang motosikal, jalan berlubang boleh menyebabkan kemalangan. Permukaan jalan yang berlubang dan tidak diturap semula menyebabkan jalan di sini selalu berpasir."

ELHAN AMRI ARIFFIN, 35
Peniaga

"Ketidadaan lampu jalan di kawasan ini sememangnya menyukarkan lagi perjalanan saya menaiki motosikal."

OMAR ALIAS, 67
Pesara

"Sebagai orang lama di sini saya berharap pihak berwajib dapat mengambil tindakan dengan segera untuk membentuk kembali jalan-jalan yang berlubang itu."

Laluan daif di Bukit Antarabangsa

SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR
kota@utusangroup.com.my

■ ULU KLANG 20 MAC

PENDUDUK Bukit Antarabangsa di sini mahu pihak berkuasa tempatan turun padang untuk membaiki sendiri keadaan laluan Jalan Mulia yang rosak dan terbiar sejak sekian lama. Akibat kerosakan di laluan yang menjadi penghubung dengan jalan utama itu, kawasan tersebut sering menjadi lokasi kemalangan khususnya melibatkan penunggang motosikal. Keadaan menjadi lebih berbahaya pada waktu malam kerana tidak diterangi lampu jalan dan keadaan jalan yang sempit. Justeru, orang ramai menyeru pihak berkuasa supaya membaiki masalah kerosakan jalan yang sudah berlarutan bertahun-tahun lamanya.

SIAPA PEDULI?

TURAPAN TIDAK BERKUALITI

KEADAAN jalan berlubang di kawasan bukit yang mengundang bahaya kepada orang ramai. -UTUSAN/AIZZUL A. MAJID



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 MAC 2018 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ siap sedia hadapi PRU14
Muka Surat	35

MPAJ siap sedia hadapi PRU14
94 21/3/18 N/S 35

AMPANG – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) siap sedia untuk menyediakan petugas dan kemudahan dewan sebagai pusat mengundi pada PRU14.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, Dewan Dato Ahmad Razali akan dijadikan sebagai lokasi pada hari penamaan calon dan urusan PRU akan berpusat di dewan berkenaan.

“Sebanyak 38 pusat mengundi iaitu 11 dewan dan selebihnya sekolah digunakan pada hari mengundi untuk P99 Ampang, manakala P100 Pandan pula sebanyak 22 pusat mengundi iaitu lima dewan, empat sekolah menengah, enam sekolah agama dan lapan sekolah kebangsaan akan digunakan untuk PRU,” katanya.

Beliau berkata, semua kakitangan MPAJ turut bertugas pada PRU14.

“Seramai 98 peratus kakitangan kita yang berkecuali akan bertugas pada PRU14. Sebahagiannya menjadi ketua pusat mengundi, petugas, kerani pengundian dan petunjuk arah,”

katanya.

Abd Hamid berkata, pihaknya juga telah menaik taraf beberapa dewan sedia ada.

“Sebagai contoh sebuah dewan di Taman Putra, kita telah menukar bumbung, pasang kipas, lampu dan sebagainya. Kebanyakan dewan di bawah seliaan MPAJ, kita sudah bersedia untuk PRU.

“Saya difahamkan semua sekolah di Ampang Jaya juga akan dijadikan sebagai pusat mengundi termasuk Kompleks Muhibah di Taman Nirwana,” katanya.

Menurutnya, dewan sedia ada kini masih dibuka untuk kegunaan masyarakat.

“Walau bagaimanapun, mereka perlu menanggung risiko ketika menempah dewan MPAJ. Kita boleh bagi notis serta pulang semula wang deposit tempahan dewan, apabila PRU14 diumumkan pada bila-bila masa kelak,” katanya.

Sila layari
sinarharian.com.my



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 MAC 2018 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Pemandu kereta nyaris maut dihempap lori
Muka Surat	19

KEMALANGAN

Pemandu kereta nyaris maut dihempap lori

BH 21/3/18 No 19. [FOTO HAFIZ SOHADMI/BH]

Ampang: "Saya terdengar dua bunyi seakan letupan sebelum nampak lori berkenaan sudah tersadai menghempap kereta berhampiran lampu isyarat," kata Umni Shahera Sidek, saksi kejadian sebuah lori terbabas di Jalan Taman Putra, dekat sini, petang semalam.

Umni Shahera berkata, dalam kejadian kira-kira jam 3.30 petang itu, dia bersama suami dan tiga anak dalam perjalanan dari Hulu Langat ke Ampang untuk membeli kek menggunakan Jalan Hulu Langat berhampiran Bukit Ampang.

"Sebelum kejadian, kami dan tiga kereta lain mengekori belakang lori itu dan ketika turun dari Bukit Ampang, lori mungkin dipandu laju kerana tiba-tiba hilang daripada pandangan.

Dua bunyi dentuman
"Sejurus kemudian kami mendengar dua bunyi dentuman dan sebaik tiba di persimpangan, saya terampak lori berkenaan terbalik dan menghempap sebuah kereta," katanya ketika dihubungi.

Katanya, dia tidak berhenti di lokasi kejadian kerana hujan dan tidak pasti mengenai situasi kedua-dua pemandu kenderaan terbalik.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Selangor, Superintendan Azman Shari'at berkata, kemalangan membabitkan sebuah lori, sebuah kereta PERODUA Axia, dua motosikal dan sebuah kenderaan pacuan empat roda.

Pemandu kereta cedera ringan
"Pemandu kereta PERODUA Axia seorang lelaki berusia 53 tahun mengalami luka ringan di bahu, manakala pemandu lori lelaki berusia 29 tahun dan pemandu kenderaan pacuan empat roda tidak mengalami kecederaan.

"Kecederaan dua penunggang motosikal tidak dapat dikenal pasti. Lori berkenaan dari arah Hulu Langat dan sedang turun Bukit Ampang. Pemandunya cuba membelok ke kiri sebelum hilang kawalan dan melanggar kenderaan pacuan empat roda serta PERODUA Axia.

"Pelanggaran menyebabkan tiga kenderaan itu terbabas ke kawasan letak kereta di kawasan rumah kedai dan terkena dua motosikal yang sedang parkir di situ. Kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 198," katanya.

Lori pasir terbabas dan menghempap sebuah kereta di Jalan Taman Putra dekat Ampang, semalam.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 MAC 2018 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Warga asing semakin kuasai perniagaan
Muka Surat	22

22 *minda*

21-03-2018

Tan Sri
Lee Lam Thye

HARIAN METRO

Warga asing semakin kuasai perniagaan

Tidak dapat dinafikan banyak perniagaan kecil dan sederhana di lokasi strategik di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain kini dikendalikan oleh warga asing, termasuk pendatang tanpa izin (PATI).

Di Jalan Imbi, Bukit Bintang, Kuala Lumpur misalnya terdapat kawasan yang dikenali sebagai *Dhaka Lane* apabila kebanyakan perniagaan di situ dikendalikan warga Bangladesh.

Di beberapa kawasan lain pula, premis perniagaan dimonopoli pendatang dari negara lain terutamanya Indonesia, India, Thailand, Myanmar, Vietnam dan Kemboja.

Warga asing ini cukup berani mengendalikannya kerana mereka secara terbuka, bahkan ada di antara mereka kini mampu menggiatkan pekerja dari India dan saya percaya lama-kelamaan mereka ini bakal mengambil alih perniagaan daripada pemilik tempatan yang kebanyakannya sibuk dengan aktiviti lain.

Jangan terkejut jika anda terjumpa sebuah restoran dimiliki pendatang Bangladesh dengan tukang masak-punya berasal dari Thailand dan pelayan dari Indonesia. Sesungguhnya ia telahpun berlaku di Malaysia dan nampak gayanya lebih banyak perniagaan sebegini akan muncul jika masalah PATI ini tidak ditangani dengan baik.

Agak menghairankan bagaimana ini semua boleh berlaku kerana kita mempunyai banyak agensi penguatkuasaan, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) yang diberi kuasa untuk mengambil tindakan terhadap pendatang tanpa izin ini.

Hakikat bahawa warga asing ini dapat mengendalikannya tanpa gangguan adalah isu serius kerana ia boleh menyebabkan orang ramai mempersoalkan integriti agensi penguatkuasaan.

Saya tidak menentang warga asing yang mempunyai permit kerja, namun amat bimbang dengan kehadiran PATI dalam jumlah besar kerana mereka boleh mendedahkan kita kepada penyakit dan menimbulkan ancaman keselamatan kerana sesetengah mereka juga terlibat dalam jenayah.

Terdapat laporan mengenai tahap keberanian yang tendeli dalam kalangan mereka manakala pergaduhan dan kes pembunuhan kejam dalam kalangan warga asing turut membimbangkan kita.

Kewujudan warga asing ini seharusnya membuka mata kita untuk mencari penyelesaian bagi isu pekerjaan 3D (berbahaya, kotor

Hm 4/3/18 Ns 22.

niaga sendiri dan mendapat pulangan yang lebih baik.

Berdasarkan serbuan dibuat Jabatan Imigresen, antara kawasan di Lembah Klang yang menunjukkan peningkatan drastik pekerja asing yang menjalankan perniagaan haram ialah di Jalan Silang, Lebuhraya Putrajaya, Pasar Selatang serta pusat teknologi maklumat dan komputer.

PBT perlu mengambil tindakan tegas menghentikan penyalahgunaan lesen perniagaan oleh penduduk tempatan dengan menyewakannya kepada warga asing.

Pada masa sama, pihak PBT mesti memastikan tiada premis perniagaan dikuasai secara haram oleh warga asing.

PBT perlu menjalankan operasi bersama yang lebih teratur dengan Jabatan Imigresen dan syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad dan jabatan bekalan air untuk mengambil tindakan terhadap para pendatang dan pemilik premis.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri juga perlu dilibatkan kerana difahamkan warga asing terabit juga tidak membayar cukai.

Selain daripada penguatkuasaan yang ketat, pihak berkuasa juga harus menekankan aspek pencegahan dan pendidikan dengan sokongan dari kedua-dua negara ter-

dan sukar) yang tidak diterima rakyat tempatan kerana sering dianggap sebagai pekerjaan tahap bawah atau memalukan.

Namun tabiah harus diucapkan kepada Jabatan Imigresen kerana berusaha mencegah masalah ini daripada terus merebak.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Seri Mustafar Ali dilaporkan berkata, sejak dua bulan lalu, jabatan berkenaan menahan 7,225 warga asing, termasuk yang terabit dalam perniagaan secara haram.

Bellau berkata, seramai 161 majikan di Malaysia turut ditahan kerana melindungi PATI semasa Op Merisaka dilakukannya terhadap 33,626 warga asing di 2,838 premis perniagaan di seluruh negara.

Tindakan tegas juga perlu diambil terhadap majikan yang membenarkan pekerja asing bekerja di sektor lain dan menyalahgunakan pas kerja mereka.

Dilaporkan warga asing ini sanggup bekerja keras kerana mempunyai impian memiliki per-

babit, masyarakat setempat, per-satuan dan mereka yang bergan-tung kepada pekerja asing.

Kita tidak sepatutnya bertolak ansur dengan isu ini kerana warga asing ini secara perlahan-lahan mengambil alih perniagaan kecil dan sederhana daripada penduduk tempatan.

Warga asing ini mempunyai ke-lebihannya kerana mempunyai ke-luasan tempatan kerana mereka sanggup mengambil keuntun-gan rendah, menjual segala jenis barangan dan menawarkan pelba-gai perkhidmatan.

Dilaporkan ada sesetengah kedai runcih mereka turut menawarkan khidmat pelayuan di bilik khas yang dibina di belakang premis.

Sekiranya masalah ini tidak di-tangani segera, ada kemungkinan usahawan kecil kita terpaksa me-nutup kedai akibat persaingan sengit daripada warga asing ini yang bersedia untuk bekerja tan-pa mengada waktu atau un-dang-undang.

Sudah tentu kita akan berasa sedih apabila suatu hari nanti pen-gusaha tempatan tidak lagi mampu bersaing dan perlu me-mohon pekerjaan daripada warga asing ini.

Ahli Exco Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPJ)

Dialog Kotaraya

JANGAN TERBUK PERCAYA MAKLUMAT ATAU BERITA YANG VIRAL DI INTERNET NI... SELIDIK DULU... MENGIKUT KAJIAN LEBIH SEPURUH BERITA DI INTERNET NI ADALAH PALBU, PERCAYA TAK?

DARI INTERNET LA...

MANA SUMBER KAU DAPAT NI?

NANTI LA AKU BALK SELIDIK DULU...

SIDANG PENGARANG
Metro
Ketua Pegawai Eksekutif NSTP Datuk Seri Abdul Jalil Hamid | Ketua Pengarang NSTP Datuk Yushaimi Yahaya | Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP Saldon Idris
Pengarang Eksekutif Harian Metro Tuan Asri Tuan Hussein | Pengarang Bersekutu Ewal Semasa Harian Metro Noor Sham Salleh | Pengarang Bersekutu Digital, Rencana Harian Metro Husain Jahit



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 21 MAC 2018 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Dentuman seret kereta
Muka Surat	72

HM 21/3/18 MS 72.

Dentuman seret kereta

■ Dua kenderaan, dua motosikal dirempuh lori turun dari Bukit Ampang

Mohd Hasbi Sidek
cnews@nstp.com.my

Ampang

“Saya dengar dua bunyi se-olah-olah letupan sebelum nampak lori itu sudah tersadai berhampiran lampu isyarat bersama sebuah lagi kenderaan dipercayai diseret dari persimpangan,” kata Umni Shahera Sidek, 38, saksi kejadian sebuah lori terbabas di Jalan Taman Putra, dekat sini, semalam.

Umni Shahera berkata, dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, dia bersama suami dan tiga anak dalam perjalanan dari Hulu Langat ke Ampang untuk membeli kek menggunakan Jalan Hulu Langat berhampiran Bukit Ampang.

“Sebelum kejadian, kami



LORI muatan batu kerikil terbalik selepas terbabas di persimpangan lampu isyarat di Jalan Taman Putra, semalam.

dan tiga kereta lain berada di belakang lori itu dan ketika turun dari Bukit Ampang, kenderaan berkenaan

mungkin dipandu laju kerana tiba-tiba hilang dari pandangan.

“Kemudian saya terdengar dua bunyi dentuman dan sebaik tiba di persimpangan, saya nampak lori itu terbalik dan menghempap sebuah

kereta,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Selangor, Superintendan Azman Shari’at berkata, kemalangan membabitkan sebuah lori, sebuah kereta Perodua Axia, dua motosikal dan sebuah pacuan empat roda.

“Pemandu kereta Perodua Axia seorang lelaki berusia 53 tahun mengalami luka ringan di bahu manakala pemandu lori, lelaki berusia 29 tahun dan pemandu pacuan empat roda tidak mengalami kecederaan.

“Keadaan dua penunggang motosikal pula tidak dapat dipastikan.

“Lori itu dari arah Hulu Langat dan menuruni Bukit Ampang Pemandunya cuba membelok ke kiri sebelum hilang kawalan lalu melanggar pacuan empat roda serta Perodua Axia,” katanya.